



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM) PROAKTIF DALAM MENYEBARKAN MAKLUMAT KEPADA RAKYAT MENGENAI ISU WABAK NOVEL KORONAVIRUS (2019-NCOV)

Saya telah mengadakan lawatan ke Pulau Pinang hari ini untuk memantau usaha-usaha kerajaan menerangkan langkah-langkah mengatasi wabak Novel Koronavirus (2019-nCoV) melalui Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen).

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) melalui JaPen, Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) dan juga Pertubuhan Berita Nasional (BERNAMA) telah mengambil langkah-langkah proaktif untuk memastikan bahawa maklumat terkini dan juga maklumat berkenaan keadah-kaedah pencegahan wabak ini disalurkan kepada masyarakat.

Ini adalah penting untuk memastikan bahawa rakyat memahami dengan lebih mendalam mengenai wabak ini dan juga langkah-langkah yang diambil oleh pihak-pihak berkuasa untuk mengawal dan mencegah penyebaran wabak ini.

Setakat 29 Januari, banyak maklumat dalam bentuk berita, video dan infografik telah disalurkan kepada rakyat. RTM telah menyiarkan sebanyak 11 slot *talkshow* dan lebih 234 segmen berita di saluran-saluran TV dan radio. RTM juga telah mengeluarkan sebanyak 11 infografik dan kapsul mengenai wabak 2019-nCov, cara pengawalan dan pencegahan, status terkini serta tindakan penguatkuasaan yang telah dihebahkan melalui TV dan media sosial RTM.

Bername pula telah menghasilkan sebanyak 149 buah artikel berita, 42 slot berita TV dalam empat bahasa, enam video pendek serta 30 infografik dalam tujuh bahasa termasuk Bahasa Iban dan Kadazandusun, setakat semalam.

Selain daripada saluran berita dan platform media sosial, KKMM melalui JaPen telah membuat program-program hebahan di kawasan awam melalui program *Info on Wheels* (IOW). Setakat semalam, sebanyak 180 program IOW telah berjaya dilaksanakan di seluruh negara, iaitu 4 program di setiap negeri setiap hari secara purata.

Program yang dijalankan oleh Unit Hebahan Bergerak JaPen, adalah untuk menyampaikan maklumat dan dasar-dasar kerajaan secara bersemuka kepada seluruh lapisan masyarakat. Melalui program ini, orang ramai boleh mendapat pemahaman yang lebih baik kerana mereka boleh mendapatkan pencerahan secara langsung daripada pasukan unit hebahan tersebut jika ada keraguan atau ketidakpastian.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) kerana telah mengemaskini portal 'Sebenarnya.my' dengan maklumat yang sahih mengenai wabak 2019-nCov dan menangkis berita palsu yang bertabur di internet. Setakat semalam, sebanyak 18 berita palsu telah ditangkis dan diperjelaskan di portal tersebut.

Portal 'Sebenarnya.my' ini adalah pusat sehenti (*one-stop centre*) bagi rakyat untuk menyemak kesahihan maklumat sebelum berkongsi mana-mana berita yang diterima secara dalam talian melalui platform media sosial, perkhidmatan mesej segera, blog, laman sesawang dan lain-lain. Rakyat kini boleh mendapatkan maklumat mengenai wabak 2019-nCov ini secara terus di bawah kategori 'Coronavirus 2019 N-Cov' di portal tersebut.

Saya berharap kesemua agensi di bawah KKMM, akan meneruskan usahasama yang kukuh ini dalam menyampaikan maklumat yang benar dan tepat kepada rakyat. Saya juga berharap bahawa dengan adanya portal ini serta agensi-agensi berita rasmi, kita dapat mengawal atau mengurangkan gejala penularan berita palsu dalam talian yang boleh memberi kesan kepada masyarakat dan negara.

GOBIND SINGH DEO

MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

30 JANUARI 2020